

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]
SOALAN :**

YB Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah nisbah seorang doktor kepada populasi terkini iaitu pada tahun ini di Malaysia. Adakah kita menghadapi masalah daripada segi kekurangan doktor.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2014, terdapat seramai 29,928 orang Pegawai Perubatan sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun 2013, nisbah Pegawai Perubatan kepada penduduk di Malaysia adalah 1:620. Nisbah tersebut masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan selaras dengan nisbah bagi negara maju iaitu 1:400 bagi Pegawai Perubatan. Walau bagaimanapun, nisbah tersebut adalah bertambah baik berbanding 5 tahun sebelumnya iaitu 1:927 Pegawai Perubatan kepada penduduk.

Berdasarkan trend peningkatan graduan perubatan pada masa ini, dijangkakan negara akan mencapai nisbah yang disasarkan 1:400 menjelang tahun 2020.